Keputusan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Penstrukturan Semula Pembiayaan Secara Islam Sewaktu Krisis COVID-19

Mesyuarat Khas MPS ke-30 bertarikh 14 Julai 2020

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS telah memutuskan tatacara berhubung penstrukturan semula pembiayaan secara Islam sewaktu krisis COVID-19.

1. Penstrukturan semula pembiayaan secara Islam berasaskan kontrak Syariah asal

Penstrukturan semula pembiayaan secara Islam berasaskan kontrak Syariah asal boleh dilakukan dengan memeterai perjanjian tambahan (*supplementary agreement*) yang dirujuk silang dengan terma dan syarat perjanjian asal dan tidak memerlukan perjanjian baharu. Ini bertujuan untuk mengurangkan kos dan kesulitan kepada pelanggan, serta beban operasi bagi institusi kewangan Islam (IKI).

Perjanjian baharu diperlukan sekiranya penstrukturan semula melibatkan –

i. penggunaan kontrak Syariah yang berbeza – contohnya pembiayaan asal perumahan berasaskan *musyarakah mutanaqisah* (perkongsian berkurangan) distruktur semula menggunakan *ijarah*; atau
ii. penggabungan beberapa pembiayaan berasaskan pelbagai kontrak Syariah menjadi satu kontrak Syariah baharu sebagai sebahagian daripada rasionalisasi hutang.

2. Penstrukturan semula pembiayaan secara Islam kepada pinjaman konvensional atau sebaliknya

IKI dibenarkan untuk menstruktur semula pinjaman konvensional kepada pembiayaan secara Islam. Walau bagaimanapun, penstrukturan semula pembiayaan secara Islam kepada pinjaman konvensional adalah tidak dibenarkan. Namun, sekiranya pelanggan tetap memilih untuk menstruktur semula pembiayaan secara Islam mereka kepada pinjaman konvensional, ia adalah prerogatif dan pilihan pelanggan untuk berbuat demikian. Dalam hal ini, pilihan pelanggan tersebut adalah di luar tanggungjawab dan kawalan IKI.

3. Keuntungan berkompaun bagi penstrukturan semula

IKI tidak dibenarkan untuk memasuk dan mengambilkira keuntungan terakru bagi pembiayaan asal sebagai amaun prinsipal yang baharu bagi penstrukturan semula. Amalan sedemikian bertujuan mengelakkan berlakunya keuntungan berganda ke atas hutang (keuntungan berkompaun). Oleh itu, dalam melaksanakan penstrukturan semula:

i. amaun prinsipal baharu bagi pembiayaan yang distruktur semula adalah bersamaan dengan baki prinsipal pembiayaan asal sekiranya tiada pembiayaan tambahan;
ii. IKI dibenar mengenakan kadar keuntungan baharu bagi amaun prinsipal baharu tersebut; dan

iii. jumlah keuntungan terakru dan caj lewat bayar (jika terpakai) bagi pembiayaan asal boleh dibawa ke hadapan dan ditambah ke dalam obligasi keseluruhan pembayaran hutang tetapi jumlah ini tidak boleh diambilkira dalam pengiraan keuntungan yang baharu (*cannot be capitalised*).

Keputusan ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh penerbitannya dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia pada 10 Ogos 2020 dan terpakai ke atas IKI berikut:

(a) orang berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI);
(b) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
(c) institusi yang ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI atau seksyen 33D (1) dan (2) DFIA, mengikut mana-mana yang berkenaan, IKI dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

Bahagian II: Latar Belakang

- Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mengekang penularan wabak ini telah memberi kesan buruk kepada ekonomi Malaysia. Penularan wabak COVID-19 yang turut menjejaskan penawaran dan permintaan di peringkat global memburukkan lagi kesan krisis kesihatan ini ke atas ekonomi negara. Bagi suku tahunan pertama 2020, keluaran dalam negara kasar (KDNK) berkembang pada kadar 0.7% dan dijangka menguncup bagi suku tahunan kedua sebelum beransur-ansur pulih.
- Akibatnya, sebahagian besar sektor perniagaan terkesan terutamanya dari segi kewangan dan aliran tunai, dan tidak mampu bertahan sehingga terpaksa mengambil langkah mengurangkan kos antara lainnya dengan mengecilkan saiz tenaga kerja, mengurangkan waktu bekerja dan ada juga yang terpaksa menghentikan operasi perniagaan. Kesannya, ramai rakyat yang hilang pekerjaan (kadar pengangguran melonjak ke paras 5.3% pada bulan Mei 2020 berbanding 3.3% pada bulan Mei 2019) atau berhadapan dengan situasi pendapatan bulanan yang berkurangan. Bagi meringankan sedikit beban kewangan rakyat dan perusahaan kecil dan sederhana, pelbagai bentuk bantuan telah dilaksanakan termasuk memberi penangguhan sementara ke atas bayaran ansuran bulanan pembiayaan (*moratorium*).
- Cabaran dan kesukaran yang melanda sebahagian besar masyarakat dan perniagaan ini dijangkakan bersifat sementara disebabkan suasana semasa. Kedudukan kewangan dan aliran tunai orang ramai dan perniagaan berkenaan dijangka beransur pulih sejajar dengan pemulihan ekonomi negara. Namun, isu ini perlu diatasi segera bagi mengelakkan peningkatan kemungkiran yang mendadak dan ketara yang boleh menjurus kepada kebankrapan dan insolvensi serta kesan jangka panjang yang negatif kepada masyarakat dan ekonomi. Hal ini juga boleh menjejaskan kekukuhan institusi perbankan.
- Dalam suasana semasa, penjadualan dan penstrukturan semula pembiayaan asal membolehkan perniagaan dan orang ramai menyusun semula obligasi kewangan bersesuaian dengan keadaan kewangan semasa mereka. Oleh itu, proses penjadualan dan penstrukturan semula haruslah dapat dilaksanakan secara efisien, lancar dan fleksibel dalam suasana

semasa agar mereka yang terkesan dapat menumpukan perhatian terhadap usaha mencari pekerjaan baharu atau pendapatan tambahan, atau memulihkan perniagaan mereka.

- Penstrukturan semula kemudahan pembiayaan secara Islam boleh dilaksanakan menggunakan pelbagai kaedah, antara lainnya, dengan menggunakan kontrak Syariah yang sama atau berbeza atau menggabungkan beberapa pembiayaan berasaskan pelbagai kontrak Syariah menjadi satu kontrak pembiayaan baharu. Sebagai contoh:

Pelanggan	Penstrukturan semula	Kontrak Syariah asal	Kontrak Syariah baharu
A	Menstruktur semula pembiayaan sedia ada menggunakan kontrak Syariah yang berbeza	*Musyarakah Mutanaqisah*	*Ijarah*
B	Menggabungkan beberapa pembiayaan berasaskan pelbagai kontrak Syariah	Pembiayaan peribadi (*tawarruq),* pembiayaan kenderaan (*ijarah*) and kad kredit (*qard* and *ujrah*)	*Tawarruq*

- Terdapat juga kemungkinan yang mana pelanggan memilih untuk menstruktur semula pinjaman konvensional kepada pembiayaan secara Islam (atau sebaliknya) atau menggabungkan kedua-dua kemudahan pembiayaan Islam dan pinjaman konvensional kepada satu kemudahan sama ada pembiayaan secara Islam atau pinjaman konvensional.
- Terdapat perbezaan dalam amalan semasa IKI berhubung semakan harga ke atas kontrak bagi penstrukturan semula – ada yang mengenakan kadar keuntungan baharu ke atas keseluruhan jumlah hutang pembiayaan asal (merangkumi amaun baki prinsipal dan keuntungan terakru); manakala terdapat juga amalan di mana pengenaan kadar keuntungan baharu hanya dikenakan ke atas amaun baki prinsipal sahaja dengan mengasingkan keuntungan terakru tanpa sebarang elemen kompaun.

Isu Syariah

Adakah Syariah membenarkan -

i. penstrukturan semula pembiayaan secara Islam dengan menggunakan perjanjian yang asal?

ii. penstrukturan semula kemudahan pembiayaan secara Islam kepada pinjaman konvensional (atau sebaliknya)?

iii. keuntungan berkompaun bagi penstrukturan semula?

Bahagian III: Perbincangan Utama

Perubahan pada harga memerlukan akad baharu

- Dalam penstrukturan semula pembiayaan secara Islam yang melibatkan perubahan pada harga asal serta terma dan syarat, akad baharu perlu dimeterai oleh pihak-pihak yang berkontrak. Ini bertujuan memastikan kontrak adalah sah berdasarkan persetujuan bersama pihak-pihak yang berkontrak.
- Berdasarkan keadaan semasa dan jangkaan bilangan individu dan perniagaan yang memerlukan penstrukturan semula yang tinggi, pemeteraian kontrak baharu akan membebankan kedua-dua pihak iaitu pelanggan dan IKI dari segi kos yang perlu ditanggung, proses dan masa yang diperlukan. Bagi mengurangkan bebanan tersebut, pihak-pihak yang berkontrak boleh membuat perjanjian tambahan untuk menstruktur semula pembiayaan. Terma dan syarat perjanjian asal boleh diubah dalam perjanjian tambahan tanpa memeterai perjanjian perundangan yang baharu. Perjanjian tambahan boleh dirujuk silang dengan perjanjian asal dalam penstrukturan semula pembiayaan secara Islam.
- Akad baharu yang memenuhi keperluan pemeteraian kontrak yang sah dari segi Syariah adalah diperlukan bagi penstrukturan semula pembiayaan Islam, dan ia boleh didokumenkan dalam perjanjian tambahan. Persetujuan bersama pihak-pihak yang berkontrak berhubung perubahan terma dan syarat perlulah diperoleh untuk mengelakkan salah faham dan pertikaian kelak.

Prinsip ta`awun (saling membantu) adalah kunci dalam memastikan kepatuhan Syariah

- Sebagai pengantara kewangan Islam, IKI hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan Syariah sepanjang masa. Ini termasuklah membantu pelanggan untuk beralih daripada transaksi kewangan yang tidak patuh Syariah kepada transaksi patuh Syariah. Dalam hal ini, IKI seharusnya bertindak sebagai pemudahcara dalam menyantuni permintaan pelanggan untuk menstruktur semula pinjaman konvensional kepada pembiayaan secara Islam.
- Manakala penstrukturan semula pembiayaan secara Islam kepada pinjaman konvensional, secara prinsipnya adalah tidak dibenarkan Syarak. Namun demikian, pelanggan mempunyai hak dan kebebasan untuk memilih. Sekiranya pelanggan membuat keputusan menstruktur semula pembiayaan secara Islam mereka kepada pembiayaan konvensional, ianya dianggap di luar tanggungjawab dan kawalan IKI.

Keuntungan berkompaun bagi pembiayaan secara Islam

- Dalam isu keuntungan berkompaun bagi pembiayaan secara Islam yang distruktur semula, IKI dianggap mengambil kesempatan ke atas pelanggan yang berada dalam keadaan terdesak tanpa menanggung sebarang tanggungjawab atau risiko. Larangan keuntungan berkompaun adalah bertujuan menjaga *maqasid* keadilan dalam transaksi dan mengelakkan kezaliman yang menyerupai riba *jahiliyyah* dalam sebahagian amalan *qalb al-dayn* yang diharamkan.
- Walau bagaimanapun, IKI dan pelanggan boleh bersetuju dengan terma dan syarat yang baharu termasuklah kaedah pengiraan kadar keuntungan baharu yang lebih mencerminkan risiko yang ditanggung oleh IKI.

- Contoh ilustrasi kaedah pengiraan tanpa melibatkan keuntungan berkompaun adalah seperti berikut:

Pembiayaan sedia ada (sebelum penstrukturan semula)	
Baki prinsipal (a) *(Baki harga jualan – keuntungan belum terakru)*	RM50,000
Keuntungan terakru	RM475
Jumlah hutang	**RM50,475**

Pembiayaan baharu (selepas penstrukturan semula)	
Baki prinsipal terdahulu	RM50,000
Keuntungan baharu (*baki prinsipal (a) x kadar keuntungan tahunan 3% x tempoh pembiayaan*)	RM6,000
Keuntungan terakru	RM475
Jumlah hutang baharu *(baki prinsipal terdahulu + keuntungan baharu + keuntungan terakru)*	**RM56,475**

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Penstrukturan semula berdasarkan kontrak Syariah yang asal

- Perubahan terhadap terma dan syarat perjanjian asal melalui perjanjian tambahan dibenarkan dengan syarat ia telah dipersetujui dan dimaklumkan dengan jelas kepada pihak-pihak berkontrak. Ini sejajar dengan kaedah *fiqh* berikut:

الأصل في العقود رضا المتعاقدين وموجبها هو ما أوجباه على نفسيهما بالتعاقد[1]

"Hukum asal dalam akad adalah reda (persetujuan) kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan kepada hak dan tanggungjawab yang telah mereka persetujui dalam akad."

- Merujuk silang terma dan syarat dalam perjanjian tambahan kepada perjanjian asal adalah dibenarkan berdasarkan *maslahah* iaitu memastikan proses penstrukturan semula yang efisien dan menjimatkan kos khususnya dalam keadaan semasa yang sukar disebabkan oleh COVID-19. Ini sejajar dengan hadis dan kaedah *fiqh* berikut:

المشقة تجلب التيسير[2]

"Kesukaran membawa kepada keringanan."

- Syariah tidak menghalang untuk menstruktur semula pembiayaan menggunakan kontrak Syariah yang berbeza daripada kontrak asal dan penstrukturan semula yang melibatkan penggabungan pembiayaan berasaskan pelbagai kontrak Syariah menjadi satu kontrak Syariah. Ini sesuai dengan hadis berikut:

المسلمون على شروطهم إلا شرطا أحل حراما أو حرم حلالا[3]

[1] Muhammad Mustafa Al-Zuhayli (2006), *Al-Qawa`id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-`Arba`ah*. Damsyik: Dar al-Fikr, j. 2, h. 818.
[2] Al-Suyuti, (1403), *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 76-77.
[3] Abu Daud (1999), *Sunan Abi Daud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, h. 398, no. hadis 3594.

"(Urusan) orang Islam adalah berasaskan kepada syarat-syarat yang (dipersetujui) oleh mereka, kecuali syarat yang menghalalkan apa yang haram atau mengharamkan apa yang halal."

- Namun begitu, perjanjian perundangan baharu diperlukan untuk menstruktur semula pembiayaan menggunakan kontrak Syariah yang berbeza dari kontrak asal dan penggabungan beberapa kontrak Syariah yang berlainan kepada satu kontrak Syariah yang baharu. Ini adalah untuk memastikan kontrak Syariah diaplikasikan secara bersesuaian sejajar dengan keperluan dan tujuan kontrak kerana setiap kontrak Syariah mempunyai ciri dan keperluan yang berbeza.

Penstrukturan semula kemudahan pembiayaan Islam kepada pinjaman konvensional (atau sebaliknya)

- Syariah membenarkan penstrukturan semula pinjaman konvensional kepada pembiayaan Islam atas dasar membantu masyarakat/pelanggan untuk keluar daripada perkara yang dilarang Syariah. Ini sejajar dengan konsep *ta`awun* (saling membantu) kepada kebaikan. Walau bagaimanapun, IKI tidak sewajarnya menggalak/membantu pelanggan menstruktur semula pembiayaan Islam kepada pinjaman konvensional. Pilihan pelanggan untuk menstruktur semula pembiayaan Islam kepada pinjaman konvensional adalah di luar tanggungjawab dan bidang kuasa IKI. Perkara ini sejajar dengan ayat al-Quran berikut:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ

"...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan permusuhan..."[4]

Keuntungan berkompaun perlu dielakkan

- IKI dilarang untuk mengambilkira keuntungan terakru bagi pembiayaan asal dalam pengiraan keuntungan yang baharu bagi mengelakkan keuntungan berkompaun kepada pelanggan dalam pembiayaan yang distrukturkan semula memandangkan keuntungan berkompaun membebankan pelanggan dan kesannya menyerupai riba yang diharamkan secara umumnya dan riba *jahiliyyah* dalam sebahagian amalan *qalb al-dayn*. Dalam situasi krisis, pengenaan keuntungan berkompaun dilihat seolah-olah IKI mengambil kesempatan atas musibah dan kesulitan yang dialami oleh pelanggan di mana keuntungan tersebut bukanlah untuk menampung kos atau risiko yang ditanggung oleh IKI.
- Terdapat keperluan untuk pihak pengawal selia menetapkan larangan keuntungan berkompaun ke atas keuntungan terakru dan caj lewat bayar (jika terpakai) bagi penstrukturan semula kerana wujud elemen kezaliman terhadap pelanggan dalam menanggung kos yang lebih tinggi. Di samping itu, keuntungan berkompaun tersebut tidak berkadaran dengan risiko dan liabiliti tambahan yang selari dengan kehendak Syariah.

[4] Surah *al-Ma'idah*:2

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan MPS bertujuan memastikan proses penstrukturan semula yang efisien, lancar dan fleksibel untuk memenuhi keperluan dan keadaan yang berbeza bagi kumpulan yang terjejas khususnya individu berpendapatan rendah dan peniaga kecil dalam suasana semasa.
- Keputusan berhubung keuntungan berkompaun adalah tidak bersifat retrospektif dengan mengambil kira praktis penstrukturan semula terdahulu yang mungkin melibatkan keuntungan berkompaun. Ini berdasarkan pertimbangan *maslahah* dan peningkatan kesukaran (*raf` al-haraj*), terutama dalam penularan wabak COVID-19 dan kesan PKP.